



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 19 NOVEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PINDAAN AKTA PNPV, GUBAL RUU KUALITI BENIH TANAMAN DIBENTANG KE JAWATANKUASA KHAS PARLIMEN, BH -ONLINE KPKM TEROKA PELUANG BAHARU MELALUI PROGRAM MCYTT, ASTRO AWANI -ONLINE KPKM TO ENHANCE TVET AND AGROPRENEUR INITIATIVES - ARTHUR, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
4. 5.	ISMAIL SABRI TEGUR PBT, DALAM NEGERI, UM -5 'HENTI BUNUH HAIWAN TERBIAR, HORMATI UNDANG-UNDANG DILULUSKAN PARLIMEN', MALAYSIA KINI -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	IMPORTANCE OF ANIMAL QUARANTINE, NATION, THE STAR -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	SISTEM PENGAIRAN PADI PERLIS PERLU DIPERTINGKATKAN, HARAKAH DAILY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8.	50 TAN SAYUR ROSAK TERENDAM BAH, NASIONAL, BH -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Pindaan Akta PNPV, gubal RUU Kualiti Benih Tanaman dibentang ke Jawatankuasa Khas Parlimen



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pindaan kepada Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PNPV) dan penggubalan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata keputusan itu dicapai menerusi Mesyuarat Rang Undang-Undang yang dipengerusikan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul pada 18 Julai lepas.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian juga bersedia untuk membentangkan kesan pindaan akta dan penggubalan rang undang-undang itu kepada mana-mana pertubuhan petani sekiranya diperlukan.

"Semua cadangan baharu atau pindaan peraturan tidak berkaitan dengan keselamatan dan kedaulatan negara perlu melaksanakan Analisis Impak Peraturan (RIA) bagi meningkatkan kualiti dasar diperkenalkan kerajaan yang merangkumi tujuh elemen di bawah Sistem Pengurusan Proses Peraturan.

"Bagi Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman telah melaksanakan proses RIA bermula 6 Mac 2013 manakala proses RIA bagi pindaan Akta PNPV 2004 dilaksanakan bermula 15 Mei 2019.

"Penyata Impak Peraturan (RIS) bagi rang undang-undang dikeluarkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 22 Jun 2018, manakala RIS bagi pindaan Akta PNPV 2004 dikeluarkan 4 April 2024," katanya pada sesi Kamar Khas, Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau memberi penjelasan berhubung sama ada kementerian itu melaksanakan Penilaian Kesan Sosial dan sesi konsultasi awam kesan pindaan Akta PNPV dan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman yang dikemukakan Wong Chen (PH-Subang).

Mohamad berkata, konsultasi awam bagi rang undang-undang dan pindaan akta itu telah dilaksanakan secara bersemuka dan secara dalam talian semasa proses RIA dijalankan.

Mengenai maklum balas royalti dan sistem paten tumbuhan, beliau menjelaskan Akta PNPV 2004 memberi hak pembiak baka melalui Sijil Perakuan Hak Pembiak baka dalam tempoh 20 hingga 25 tahun.

Ia juga membenarkan pembiak baka mengutip royalti ke atas penggunaan varieti baharu melalui tujuh skop aktiviti iaitu pengeluaran dan pembiakan semula, penyesuaian keadaan terhadap pengeluaran; jualan, pemasaran, eksport, import; serta penyimpanan stok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM teroka peluang baharu melalui program MCYTT



Arthur berkata program MCYTT akan melibatkan 200 pelatih dan tenaga pengajar daripada bidang tanaman, ternakan, perikanan dan pemprosesan makanan serta pemasaran. - Gambar fail/Bernama

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian bercadang meneroka ruang dan peluang baharu termasuk penyertaan dalam Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT) pada tahun depan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata program itu melibatkan penempatan pelatih tempatan di China selama dua minggu yang antara lain bagi mendapatkan pendedahan dan pengalaman penggunaan teknologi terkini yang digunakan di negara itu.

"Faedah yang akan diperoleh daripada penyertaan dalam program ini adalah seperti mendapatkan maklumat dan pendedahan berkaitan teknologi baharu dan pendigitalan dalam pengajaran dan pembelajaran TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) di bawah sektor pertanian dan agromakanan China.

"Selain itu, mengenal pasti bidang baharu dalam sektor pertanian yang boleh diteroka dengan sokongan pihak TANG International Education Group dan rakan strategik lain dan membina rangkaian hubungan kerjasama lebih luas serta kukuh dengan institusi pendidikan dan industri sektor pertanian agromakanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 di peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat hari ini.

Arthur berkata program MCYTT akan melibatkan 200 pelatih dan tenaga pengajar daripada bidang tanaman, ternakan, perikanan dan pemprosesan makanan serta pemasaran.

Mengenai program Agropreneur Muda, beliau berkata seramai 3,068 usahawan telah diberikan kelulusan geran di bawah program itu sejak 2021 melibatkan sektor tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Beliau berkata usahawan yang menerima geran Agropreneur Muda akan dipantau dalam tempoh 30 tahun setelah pembekalan barangan diterima.

"Bagi memastikan bantuan yang diberikan digunakan bagi tujuan melaksanakan projek pertanian dan agromakanan, mekanisme sedia ada akan dikekalkan pada tahun-tahun akan datang.

"Selain bantuan dalam bentuk geran, usahawan juga berpeluang mengikuti kursus dan bimbingan teknikal meliputi semua rantai nilai bidang pertanian termasuk mengenai pengurusan kewangan bagi projek yang dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai isu penyelewengan yang dihadapi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Arthur berkata KPKM akan mengadakan taklimat dengan Ahli Parlimen berhubung perkara itu pada 25 Nov ini.

"Esok pagi dalam sesi MQT (Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri), menteri (Datuk Seri Mohamad Sabu) akan menjawab isu NAFAS secara khusus. Jadi saya harap Yang Berhormat dapat hadir untuk mendengar jawapan daripada menteri," katanya.

Dewan Rakyat kemudian meluluskan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM6,420,958,100 yang diperuntukkan kepada KPKM dalam Belanjawan 2025 dengan lebih suara menyokong selepas dibahas 23 Ahli Parlimen.



GENERAL > NEWS

KPKM To Enhance TVET And Agropreneur Initiatives – Arthur

🕒 18/11/2024 08:50 PM



Datuk Arthur Joseph Kurup (File pix)

KUALA LUMPUR, Nov 18 (Bernama) -- The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), through its Agricultural Capacity Building and Training Division, plans to explore new opportunities, including participation in the Malaysia-China Youth TVET Training programme next year.

Deputy Minister of Agriculture and Food Security Datuk Arthur Joseph Kurup said the programme would involve placing local trainees in China for two weeks to gain exposure and experience the latest technologies used in the country.

"The benefits of participating in this programme include gaining information and exposure to new technologies and digitalisation in teaching and learning in TVET (Technical and Vocational Education and Training) under the agricultural and agro-food sector in China.



"Additionally, it aims to identify new fields in agriculture that can be explored with the support of TANG International Education Group and other strategic partners, while building broader and stronger collaborative networks with educational institutions and industries in the agro-food sector," he said while winding up the committee-level debate on the Supply Bill 2025 for the ministry in the Dewan Rakyat today.

Arthur said the Malaysia-China Youth TVET Training programme would involve 200 trainees and instructors specialising in crops, poultry, livestock, fisheries, food processing, and marketing.

On the Agropreneur Muda programme, he said 3,068 entrepreneurs had been approved for grants under the initiative since 2021, covering crops, livestock, fisheries, and agro-based industries.



He said entrepreneurs who received the Agropreneur Muda grants would be monitored for 30 years after receiving their supplies.

"To ensure the assistance provided is used to implement agricultural and agri-food projects, the existing mechanisms will be maintained in the coming years.

"In addition to grants, entrepreneurs will also have the opportunity to attend courses and receive technical guidance across the entire value chain in agriculture, including financial management for implemented projects," he said.

Meanwhile, commenting on issues of misconduct involving the National Farmers Organisation (NAFAS), Arthur said KPKM would brief Members of Parliament on the matter on Nov 25.

"Tomorrow morning, during the MQT (Minister's Question Time) session, the minister (Datuk Seri Mohamad Sabu) will specifically address the NAFAS issue. I hope Honourable Members (of Parliament) will attend to hear the minister's response," he said.

The Dewan Rakyat subsequently approved the operating and development expenditure of RM6,420,958,100 allocated to KPKM under Budget 2025 by a majority vote following discussions by 23 MPs.

The sitting resumes tomorrow.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Ismail Sabri tegur PBT

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak lain diingatkan untuk tidak menggunakan undang-undang 'kecil' untuk membunuh haiwan terbiar atau melakukan keganasan hingga melanggar Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Ahli Parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, walaupun negara mempunyai Akta 772 tetapi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merekodkan lebih 7,600 aduan penderaan haiwan diterima sejak 2021 hingga ketika ini.

Kata beliau, kes penderaan haiwan di Selangor sudah mencecah 3,334 iaitu separuh daripada jumlah aduan yang diterima.

"Jadi saya ingin tahu adakah JPV yang menguatkuasakan Akta 772, mampu menghalang kekejaman atau pembunuhan kepada haiwan-haiwan ini? Apa yang berlaku sekarang ini banyak dalam kalangan majlis daerah atau PBT yang menggunakan undang-undang kecil mereka di dalam membunuh atau menembak haiwan-haiwan liar ini.

"Walaupun mereka ada un-



ISMAIL SABRI YAAKOB

dang-undang kecil tetapi Akta 772 diluluskan di Parlimen, bermakna ia lebih tinggi daripada undang-undang kecil di majlis daerah. Jadi, kita harap pihak majlis tidak menjadikan alasan ini untuk menembak haiwan sesuka hati tanpa sebab munasabah yang dibenarkan JPV," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Ismail Sabri berkata demikian ketika membahaskan Peringkat Jawatankuasa Bagi Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 bagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri yang juga bekas Perdana Menteri, mencadangkan kerajaan untuk mengkaji semula Akta 772 dan memindanya jika perlu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2024	MALAYSIA KINI	ONLINE	

'Henti bunuh haiwan terbiar, hormati undang-undang diluluskan parlimen'



Bekas perdana menteri Ismail Sabri Yaakob menampelak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana melakukan apa yang disifatkannya sebagai "pembunuhan sewenang-wenang" terhadap haiwan terbiar.

Ismail menggesa pihak berkuasa mematuhi Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang telah diluluskan oleh parlimen.

"Apa yang berlaku sekarang ini banyak dalam kalangan majlis daerah atau PBT yang menggunakan undang undang kecil mereka dalam membunuh ataupun menembak haiwan liar ini.

"Saya ingin menyatakan bahawa oleh kerana Akta Kebajikan Haiwan ini diluluskan di parlimen, akta ini mengikat majlis daerah dan sebagainya dari segi tindakan.

ADS

"Kita harap pihak majlis tidak menjadikan alasan ini untuk menembak haiwan sesuka hati tanpa sebab munasabah yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DSV)," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Pada 12 Nov lalu, kira-kira 100 orang hadir di bangunan Parlimen bagi menyerahkan memorandum bagi membantah tindakan membunuh anjing liar.



Ismail adalah salah seorang daripada ahli parlimen yang menerima memorandum daripada kumpulan berkenaan.

New Straits Times sebelum ini melaporkan DVS Terengganu menerima beberapa pertanyaan awam pada 13 Okt lalu mengenai video tular yang mendakwa wakil PBT itu menembak seekor anjing

bernama Kopi.

Jabatan itu berkata, kes itu disiasat di bawah Akta Kebajikan Haiwan.

Pada 8 Nov, NST juga melaporkan seorang bekas ahli majlis Manjung mendedahkan bahawa berpuluh-puluh bangkai anjing, bersama anak anjing hidup, ditinggalkan dalam lubang selepas didakwa ditangkap dan ditembak oleh penguatkuasa PBT di Sitiawan.

Khairil Azhar Khairuddin memuat naik beberapa video menunjukkan imej mengejutkan itu di mana ada anjing yang masih memakai kolar, dibiarkan terperangkap dalam lubang sedalam kira-kira empat kaki di tapak pelupusan sampah.

Sementara itu Presiden Persekutuan Hak Asasi Manusia Global S Sashi Kumar hari ini mendakwa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming cuba meremehkan pencabulan terhadap hak haiwan.

Kaji semula Akta Kebajikan Haiwan

Ismail Sabri menggesa pihak berkuasa tempatan mengamalkan pendekatan lebih terkawal dan belas kasihan apabila berhadapan dengan haiwan liar, selain melaksanakan kuasa mereka dengan penuh tanggungjawab.

Ahli Parlimen Bera itu juga menggesa agar Akta Kebajikan Haiwan dikaji semula untuk meningkatkan keberkesanannya dan mengatasi sebarang kelemahan yang ada.



"Ada beberapa cadangan supaya dikaji semula Akta Kebajikan Haiwan dan jika perlu, dipinda. Maka kerajaan diharap dapat meminda akta ini," katanya.

ADS

Katanya, semakan akta itu harus mengukuhkan perlindungan dan mencegah penyalahgunaan undang-undang kecil untuk mewajarkan pembunuhan haiwan terbiar.

Sekiranya DVS menghadapi kekangan dalam menguatkuasakan akta tersebut, bekas naib presiden Umno itu menggesa kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas untuk memantau kes penderaan haiwan atau memberikan tanggungjawab itu kepada agensi penguatkuasaan lain.

Katanya, sebuah jawatankuasa khusus boleh memastikan pengawasan berterusan dan mencegah insiden kekejaman terhadap haiwan.

Kerjasama dengan NGO

Dia juga berkata selain di luar penguatkuasaan undang-undang, perlu ada kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan pusat perlindungan haiwan yang dikendalikan oleh NGO.

"Banyak NGO menyediakan tempat perlindungan untuk haiwan terbiar, jadi saya berharap majlis tempatan akan bekerjasama dengan organisasi ini untuk menawarkan perlindungan dan menjaga haiwan terbiar," katanya.

"Haiwan ini berkeliaran kerana mereka tidak mempunyai rumah; mereka menyelongkar sampah kerana mereka lapar.

"Mereka melakukan ini kerana mereka tiada pilihan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan kebajikan mereka," katanya.

LIVE animal quarantine means isolating animals, fish or poultry that may carry infectious diseases from other animals or humans for a certain period of time.

The isolation ensures that the animal is free from diseases that could pose a health risk to humans, other animals or fish, or the country's ecosystem.

In Malaysia, this responsibility falls on the Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis), which monitors plants, animals, carcasses, fish, agricultural products, soil, microorganisms, premises, transporters or any other agricultural and agro-food commodities entering the country.

It quarantines and inspects any plants, animals, carcasses, fish, agricultural products, soil, microorganisms, premises, transporters or any other agricultural and agro-food commodities at the entrance.

It also runs quarantine stations and premises to ensure the risk of entry of disease, pests or contaminants is minimised and the compliance of any plants, animals and carcasses are met.

Fish, agricultural products, soil, and microorganisms with import and export conditions as stated in the permit, licence or certificate fall under section 9(a), Act 728.

Quarantine locations

Maqis manages five quarantine stations located at the Kuala Lumpur International Airport, Selangor; Batu Maung, Penang; Rantau Panjang, Kelantan; Padang Besar, Perlis; and Labuan.

IMPORTANCE OF ANIMAL QUARANTINE



Maqis' role ensures food safety and biosecurity, and animal quarantine is important to guarantee the safety and well-being of the country.

It can also declare any premises as a quarantine premise just to hold and inspect the various plants, animals, agricultural products, soil and more, under Section 9(g) of Act 728.

In August this year, Maqis has 217 quarantine premises throughout the country, with 125 for fish and 92 for animals with Selangor having the most of these premises.

From January to September, the quarantine division recorded as many as 34,374 animals were held at quarantine stations and premises that have been approved by the department.

Controlling diseases

Throughout the quarantine period, the department's quarantine division works closely with the policy-making departments

The department is currently developing a modern and higher standard facility called the Integrated Biosecurity Centre (IBC) at the KLIA Quarantine Station to strengthen the effectiveness of quarantine activities.

The centre will involve a comprehensive upgrade of the existing KLIA quarantine station and is expected to be fully completed in 2027.

In addition, the department is also participating in the digitalisation trend through its Maqis Digital Platform Project, which also involves digitalising the quarantine activities.

It will simplify services, such as the booking of quarantine space at stations and quarantine premises process and improve operational efficiency.

Quarantine benefits

Quarantine protects the welfare of domestic animals and local livestock by ensuring imported animals do not carry diseases from where they were originally from that can be transmitted to domestic animals or local livestock.

This step is important to maintain farm animals' health and prevent large losses to local farmers due to deaths or diseases that affect animal productivity.

Quarantined animals and products are also checked for zoonotic diseases that may affect the health of those exposed to them, either through contact or as food.

Through quarantine, Maqis helps reduce the risk of infection in the community.

Furthermore, as a country actively involved in international trade, Malaysia ensures compliance with international standards set by organisations, such as the World Organization for Animal Health (WOAH).

This move allows Malaysian products to compete in the global market without being embargoed by other countries.

Quarantine also protects the country's biodiversity by preventing the entry of invasive species that can damage local ecosystems.

Foreign plants or animals pose a threat to indigenous species and affect the balance of the environment.

The quarantine process helps control the entry of foreign species and protect Malaysia's biodiversity.

Maqis' role ensures food safety and biosecurity, and animal quarantine is important to guarantee the safety and well-being of the country.

Through strict inspection and quarantine measures, Malaysia can maintain the stability of the agricultural and plantation industry, protect public health and strengthen the national economy.

Animal quarantine not only protects the people and livestock but also ensures that the country complies with international standards, which is important for Malaysia's trade growth.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/11/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Sistem pengairan padi Perlis perlu dipertingkatkan



Mohd Shukri (kanan) dan Rafizi di Sesi Libat Urus RMK-13 di Kangar.

KANGAR: Peranan Perlis sebagai pengeluar beras negara menyebabkan kerajaan negeri meminta peruntukan khas diberikan untuk menaik taraf sistem pengairan kawasan tanaman padi di negeri ini.

Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli, berkata sistem pengairan itu bukan sahaja di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), malah kawasan lain di luar MADA.

“Ini penting kerana Perlis merupakan negeri yang menyumbang sebanyak 10.38 peratus pengeluaran beras negara dan secara tidak langsung menyokong Dasar Sekuriti Makanan Negara,” katanya di Sesi Libat Urus Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) di Dewan 2020 di sini, hari ini. Tutut hadir Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Sementara itu, Menteri Besar mencadangkan pembinaan sebuah kompleks jualan barangan ikonik tempatan seperti Pasar Payang di Terengganu, Pasar Siti Khadijah di Kelantan dan Pekan Rabu di Kedah.

“Pembinaan kompleks itu akan menjadi daya tarikan baharu Perlis dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf ekonomi rakyat,” katanya.

Mohd Shukri berkata, pembangunan negeri ini di bawah RMK-12 kini memberi fokus kepada kawasan utama seperti Padang Besar, Kangar, Kuala Perlis dan Sanglang, selain projek sokongan yang akan melengkapkan ekosistem kawasan berkenaan.

“Setiap asas pembangunan yang dirancang mengambil kira dasar sedia ada akan memberi manfaat dan impak positif kepada ekonomi negeri serta pendapatan rakyat,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa beberapa projek berimpak tinggi hampir siap sepenuhnya seperti Fasa 1 Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) dengan kilang sulung di situ akan beroperasi pada Januari 2025.

“Perlis Sentral telah siap sepenuhnya dan dijangka beroperasi pada akhir tahun ini, manakala Perlis Inland Port sedang giat dilaksanakan dengan infrastruktur luaran dijangka siap sepenuhnya pada Disember ini dan pengoperasian fasa 1 dijangka pada suku kedua tahun depan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap permohonan bajet menerusi Rolling Plan 1 RMK-13 mendapat perhatian dan pertimbangan Kerajaan Pusat demi memastikan kejayaan pembangunan negeri ini. – **HARAKHDAILY 18/11/2024.**

50 tan sayur rosak terendam bah

Hujan lebat sejak Jumaat jejas lebih 20 hektar kebun di Johor

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Kira-kira 50 tan sayuran rosak selepas kebun sawit utara Johor mula ditenggelami banjir, susulan musim tengkujuh bermula minggu lalu.

Setiausaha Persekutuan Penanam Sayur Malaysia, Tan Chee Kiong, berkata hujan lebat sejak Jumaat lalu menyebabkan lebih 20 hektar kebun dan

ladang sayuran di Tangkak dan Muar, ditenggelami banjir.

Katanya, lebih banyak ladang sayuran di kawasan rendah di Johor akan ditenggelami banjir jika hujan lebat berterusan minggu ini.

"Hujan lebat dua hari yang melanda Tangkak dan Muar pada Jumaat dan Sabtu lalu menyebabkan lebih 20 hektar kebun sawit ditenggelami banjir.

"Ini membabitkan kira-kira 50 tan sayuran terutama berdaun seperti sawi, bayam dan kangkung rosak akibat ditenggelami banjir.

"Bagaimanapun, bekalan sayuran berdaun di negeri ini tidak terlalu terjejas kerana bekalan masih boleh didapati dari daerah dan negeri berdekatan," katanya ketika dihubungi.

Proses semula semula

Dalam pada itu, Chee Kiong berkata, tempoh kira-kira tiga minggu hingga sebulan diperlukan bagi memastikan kebun serta ladang sayuran terjejas, dapat melakukan proses penanaman sayuran semula.

Katanya, ini berikutan proses semula semula perlu dibuat susulan sayuran ditanam rosak.

"Jika tanah terlalu berair pun tidak sesuai untuk proses semaian semula. Mahu tak mahu, peniaga kena menunggu tanah kering sedikit sebelum memulakan proses.

"Jika keadaan hujan lebat berterusan, kami bimbang kebun dan ladang sayur di kawasan rendah, terutama Kota Tinggi dan Kluang turut ditenggelami banjir," katanya.



Ladang sayuran di Senggang, Tangkak yang ditenggelami banjir.
(Foto Ihsan Persekutuan Penanam Sayur)